



SIARAN MEDIA

PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI : KPKT SALUR RM 2.6 JUTA DEMI MERAPATKAN JURANG ANTARA DESA DAN BANDAR

TELUK INTAN, 10 Mei 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meneruskan Siri Jelajah Sentuhan Kasih KPKT di Teluk Intan, Perak dengan **Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI KPKT** di Kampung Bahagia, Teluk Intan, Perak pagi ini. Majlis ini disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) dan disaksikan oleh barisan pengurusan tertinggi Kementerian dan juga pemimpin tempatan.

Melalui Belanjawan 2024, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM100 juta** bagi pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI bertujuan untuk merapatkan jurang antara desa dan bandar dengan melengkapkan kemudahan asas seperti dewan komuniti, tempat pembuangan sampah, sistem perparitan dan sebagainya melalui pendekatan *Whole of Government*. **Kampung Bahagia, Teluk Intan telah menjadi desa bertuah apabila terpilih sebagai Kampung Angkat MADANI oleh KPKT.** Kampung Bahagia, Teluk Intan terletak berhampiran dengan bandar Teluk Intan dengan anggaran 8,670 penduduk dan 1,500 buah rumah.

Sebanyak **RM2.5 juta** telah diperuntukkan kepada Kampung Bahagia dan berdasarkan peruntukan tersebut, sebanyak **10 buah projek** telah dilaksanakan melibatkan pembangunan projek fizikal dan sosial seperti berikut :

- i. Menaiktaraf Jeti Nelayan - **RM667,000.00;**
- ii. Menaiktaraf Gelanggang Futsal – **RM697,000.00;**
- iii. Pengindahan Geghotak Bahagia – **RM480,000.00;**
- iv. Pembinaan Mercu Tanda – **RM 96,000.00;**
- v. Perkhidmatan Sosial (Program Bomba Komuniti) – **RM 20,000.00;**
- vi. Naiktaraf Sistem Pengairan dan Saliran – **RM 200,000.00;**
- vii. Membaikpulih Tandas, Membaiki Pagar dan Mengecat Dewan Seri Bahagia – **RM 50,000.00;**
- viii. Pembinaan Pondok, Balai dan Dewan (Ruang Komuniti) – **RM 20,000.00;**
- ix. Menaiktaraf Pusat Pengumpulan Sampah (Pembinaan Pusat Sisa Lestari) – **RM 70,000.00;** dan
- x. Baik Pulih Landskap di setiap tapak projek – **RM 200,000.00**

Di samping itu juga, Perbadanan PR1MA Malaysia melalui pelaksanaan projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah menyumbangkan sebanyak **RM91,810.00** merangkumi kerja-kerja membaik pulih bumbung, tiang *galvanized* dan pemasangan susur tangan di Jeti Nelayan Kampung Bahagia. Projek ini akan dapat memberikan manfaat kepada komuniti nelayan Kampung Bahagia di samping berupaya untuk merangsang pertumbuhan ekonomi setempat melalui sektor perikanan dan industri pelancongan desa (*ecotourism*). Namun begitu, beberapa kawasan di Teluk Intan, Perak termasuklah Kampung Bahagia **telah dilanda banjir berikutan fenomena air pasang besar dan hujan lebat**. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjejaskan pelaksanaan beberapa buah projek sehingga menyebabkan projek tersebut tidak dapat disiapkan sebelum 31 Disember 2024 seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Namun begitu, projek-projek ini telah berjaya disiapkan sepenuhnya sebelum **31 Mac 2025**.

Projek-projek berimpak tinggi ini bukan sahaja akan memberikan kemudahan dan manfaat yang besar kepada segenap lapisan masyarakat desa di Kampung Bahagia tanpa mengira umur, bangsa dan latar belakang bahkan akan memberikan nilai tambah dalam meningkatkan kualiti hidup di samping memupuk nilai-nilai Masyarakat MADANI dalam kalangan komuniti setempat. Kerjasama erat yang telah terjalin antara pihak-pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta komuniti desa adalah tonggak utama dalam menjayakan pelaksanaan Program Kampung Angkat Madani KPKT.

KPKT akan terus kekal komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif berimpak tinggi yang berfokus dalam memartabatkan kesejahteraan rakyat secara lebih holistik serta merapatkan jurang pembangunan infrastruktur dan pertumbuhan ekonomi antara penduduk bandar dan desa demi merealisasikan aspirasi Kerajaan MADANI dalam membangun sebuah masyarakat yang inklusif, sejahtera, dan mampan.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#Ihsan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

